

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan kawalan penggunaan plastik di kalangan pengguna dan sektor industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula sejak pelancaran Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna, 2018-2030 pada tahun 2018 sehingga kini, inisiatif ini masih lagi dalam Fasa 1 pelaksanaannya sehingga tahun 2021. Dalam Fasa 1 ini, program-program utama pelaksanaan Pelan adalah ditumpukan kepada libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan awam, swasta dan juga komuniti termasuklah kementerian dan jabatan persekutuan serta negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak industri dan komuniti masyarakat. Langkah berupa pendidikan dan kesedaran awam ini akan dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama kementerian, jabatan serta agensi berkaitan.

2. Sehingga kini, kerajaan masih belum bercadang untuk memansuhkan sepenuhnya pengeluaran atau penggunaan produk plastik sekali guna. Ini kerana pengenalan dasar seumpamanya secara mendadak akan memberikan banyak impak negatif kepada aspek sosial

NO. SOALAN : 491

dan ekonomi. 79,000 pekerja dalam sektor pembuatan plastik berisiko kehilangan punca pendapatan dan terdapat potensi penyeludupan produk plastik sekali guna ke dalam negara bagi memenuhi kehendak pengguna seperti yang berlaku di negara-negara Afrika. Sehubungan itu, pendekatan yang diambil kerajaan hendaklah dilaksanakan secara holistik dan adil kepada pihak-pihak berkepentingan.

3. Bagi memastikan pihak industri turut dapat menyumbang kepada usaha mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, Kerajaan sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Kitaran Plastik. Pelan ini akan menjadi panduan untuk pihak industri dan masyarakat umum beralih daripada model ekonomi linear kepada model ekonomi kitaran yang dapat memanjangkan jangka hayat produk berasaskan plastik dalam kitaran ekonomi.

Sekian, terima kasih.